

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK  
FOH  
(SANDAKAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 05.11.2015**

**Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [ SANDAKAN ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai pendapatan cukai GST yang telah dikutip oleh Kerajaan Persekutuan sejak pelaksanaan cukai GST mengikut sektor-sektor industri secara terperinci, contohnya sektor pembuatan, sektor pertanian dan sebagainya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjangkakan hasil GST pada tahun 2015 sebanyak 27 bilion ringgit. Kutipan cukai berdasarkan sektor-sektor industri tidak semestinya menggambarkan

bahawa hasil tersebut berkaitan dengan aktiviti ekonomi, sektor atau industri tersebut semata-mata. Ini kerana sesebuah perniagaan berkemungkinan terlibat dengan beberapa sektor atau industri, sedangkan perniagaan tersebut hanya mendaftarkan sektor utama yang diceburi, contohnya sektor pembuatan. Oleh itu, apabila pembayaran cukai dibuat, keseluruhan amaun yang dibayar oleh perniagaan hanya akan direkod sebagai hasil bagi sektor pembuatan sahaja. Sehubungan itu, adalah menjadi amalan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Kewangan untuk tidak memperincikan kutipan hasil GST berdasarkan sektor-sektor industri. Berdasarkan prestasi kutipan hasil GST sehingga Oktober 2015, sektor peruncitan dan pemborongan mencatat peratusan kutipan hasil GST tertinggi, iaitu sebanyak 24%, diikuti dengan sektor pembuatan sebanyak 16%.

Selain itu, hasil bagi GST import pula tidak dikategorikan berdasarkan kepada sektor/ industri, tetapi berdasarkan kepada jenis komoditi atau barang yang mana barang tersebut boleh digunakan oleh sektor/ industri berbeza.